

**MAHKAMAH MAJISTRET SEPANG**

**KES TANGKAP NO:**

**BK-83-194-02/2023, BK-83-195-02/2023 & BK-85-58-02/2023**

**DI ANTARA**

**PENDAKWA RAYA**

**DAN**

**SHUHAIMY BIN JOHRI**

**ALASAN PENGHUKUMAN**

**Di hadapan Ayuni Izzaty Binti Sulaiman....Majistret, Mahkamah Majistret Sepang, Selangor.**

**[PERTUDUHAN BAGI KES TANGKAP NO. BK-83-194-02/2023]**

"BAHAWA KAMU PADA 20/02/2023 JAM LEBIH KURANG 12.20 TENGAH HARI, BERTEMPAT DI LAMPU ISYARAT KIP MALL DI DALAM DAERAH SEPANG, DI DALAM NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN, TELAH MELAKUKAN UGUTAN JENAYAH DENGAN MENAKUTKAN FARID ISKANDAR BIN IDRIS (NOMBOR KAD PENGENALAN: 780731-14-5191) DENGAN NIAT HENDAK MENYEBABKAN KEGENTARAN DAN DENGAN ITU KAMU TELAH MELAUKAN SUATU KESALAHAN YANG BOLEH DIHUKUM DI BAWAH SEKSYEN 506 KANUN KESEKSAAN."

**[PERUNTUKAN HUKUMAN]**

JIKA DISABITKAN DENGAN KESALAHAN PENJARA YANG BOLEH SAMPAI DUA TAHUN ATAU DENDA ATAU KEDUA-DUANNYA.



### **[PERTUDUHAN BAGI KES TANGKAP NO. BK-83-195-02/2023]**

“BAHAWA KAMU PADA 20/02/2023 JAM LEBIH KURANG 12.20 TENGAH HARI, BERTEMPAT DI LAMPU ISYARAT KIP MALL, DI DALAM DAERAH SEPANG DI DALAM NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN, DENGAN SENGAJA TELAH MELAKUKAN PERBUATAN KHIANAT KE ATAS KERETA JENIS PERODUA MYVI NOMBOR PENDAFTARAN VCK8707 WARNA HITAM MILIK FARID ISKANDAR BIN IDRIS (NOMBOR KAD PENGENALAN : 780731-14-5191) SEHINGGA MENYEBABKAN KERUGIAN LEBIH KURANG RM 829.00 OLEH YANG DEMIKIAN KAMU TELAH MELAKUKAN SATU KESALAHAN DAN BOLEH DIHUKUM DI BAWAH SEKSYEN 427 KANUN KESEKSAAN.”

### **[PERUNTUKAN HUKUMAN]**

JIKA DISABITKAN DENGAN KESALAHAN HENDAKLAHLAH DI PENJARA SELAMA TEMPOH YANG TIDAK KURANG DARIPADA SATU TAHUN DAN TIDAK LEBIH DARIPADA LIMA TAHUN, ATAU DENGAN DENDA, ATAU DENGAN KEDUA-DUANYA.

### **[PERTUDUHAN BAGI KES TANGKAP NO. BK-85-58-02/2023]**

“BAHAWA KAMU PADA 20/02/2023 JAM LEBIH KURANG 12.20 TENGAH HARI, BERTEMPAT DI LAMPU ISYARAT KIP MALL, DI DALAM DAERAH SEPANG DI DALAM NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN DENGAN SENGAJA TELAH MENYEBABKAN KECEDERAAN KE ATAS FARID ISKANDAR BIN IDRIS (NOMBOR KAD PENGENALAN:780731-14-5191). OLEH YANG DEMIKIAN KAMU TELAH MELAKUKAN SUATU KESALAHAN YANG BOLEH DIHUKUM DI BAWAH SEKSYEN 323 KANUN KESEKSAAN.”



## **[PERUNTUKAN HUKUMAN]**

JIKA DISABITKAN DENGAN KESALAHAN HENDAKLAH DIHUKUM DENGAN PEMENJARAAN SELAMA TEMPOH YANG BOLEH SAMPAI SETAHUN ATAU DENGAN DENDA YANG BOLEH SAMPAI DUA RIBU RINGGIT, ATAU DENGAN KEDUA-DUANYA.

## **[LATAR BELAKANG KES]**

Di dalam kes ini Tertuduh telah dituduh pada kali pertama di Mahkamah ini bagi ketiga-tiga kes pada 23 Februari 2023. Jika dilihat pada masa dan tarikh kejadian ianya merupakan tarikh dan di tempat kejadian yang sama. Oleh yang demikian, satu (1) alasan penghakiman telah disediakan bagi ketiga-tiga nombor kes ini. Tertuduh telah diwakili oleh peguambela dari Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) sewaktu pertuduhan pertama kali dibaca dan diterangkan bagi kesemua kes berkenaan. Tertuduh telah mengaku salah bagi ketiga-tiga pertuduhan bagi ketiga-tiga kes nombor tersebut. Mahkamah mengambil maklum akan hukuman minima satu (1) tahun bagi kesalahan di bawah seksyen 427 Kanun Keseksaan tersebut, namun memandangkan Tertuduh diwakili oleh peguambela, Mahkamah percaya, berpuas hati dan berpendapat bahawa Tertuduh memahami sifat dan akibat pengakuannya dan Mahkamah seterusnya menerima dan merekodkan pengakuan bersalah Tertuduh. Setelah kesemua fakta kes dan eksibit yang dikemukakan oleh pihak Pendakwaan di Mahkamah diakui benar oleh Tertuduh, Mahkamah seterusnya telah menjatuhkan hukuman lima belas (15) bulan penjara dari tarikh tangkap, 20.2.2023 bagi pertuduhan di bawah seksyen 506 Kanun Keseksaan, di nombor kes BK-83-194-02/2023. Manakala bagi kes nombor BK-83-195-02/2023, hukuman yang telah dijatuhkan adalah penjara dua puluh (20) bulan dari tarikh tangkap, 20.2.2023 di bawah seksyen 427 Kanun Keseksaan dan yang terakhir bagi kes nombor BK-85-58-02/2023, di bawah seksyen 323 Kanun Keseksaan, hukuman penjara dua belas (12) bulan dari tarikh tangkap, 20.2.2023.



Selepas Mahkamah menjatuhkan hukuman, pihak peguambela seterusnya telah memfailkan rayuan terhadap hukuman dan sabitan di Mahkamah Tinggi. Tertuduh telah melantik peguam dari Tetuan Tengku Amalin & Faizi, untuk membuat permohonan penggantungan pelaksanaan hukuman. Mahkamah telah membenarkan permohonan tersebut dengan jaminan RM3,000 dengan seorang penjamin tempatan bagi setiap pertuduhan di nombor kes BK-83-194-02/2023 dan BK-83-195-02/2023 masing-masing serta RM2,000 dengan seorang penjamin tempatan bagi pertuduhan di nombor kes BK-85-58-02/2023. Berikut adalah alasan penghukuman bagi keputusan yang telah diberikan.

## **ALASAN PENGHUKUMAN**

### **[FAKTOR MITIGASI]**

Di dalam mitigasi Tertuduh, peguambela Tertuduh menyatakan bahawa pengakuan salah Tertuduh telah menjimatkan masa dan kos semua pihak yang terlibat bagi kesemua kes ini. Tertuduh di dalam kes ini berumur 32 tahun dan Tertuduh menyara keluarganya dengan bekerja di stable kuda dengan pendapatan sebanyak RM1,500.00 sebulan. Dengan pendapatan tersebut, Tertuduh menyara isteri dan 2 orang anaknya. Peguambela Tertuduh juga menyatakan bahawa ini merupakan kesalahan pertama Tertuduh serta Tertuduh memohon maaf di atas kesalahan yang telah dilakukannya. Memandangkan Tertuduh telah mengaku salah ianya telah menjimatkan masa dan kos semua pihak terutamanya pihak Mahkamah. Peguambela Tertuduh telah menyatakan bahawa oleh kerana Tertuduh tiada kemampuan kewangan untuk membayar denda bagi kesemua pertuduhan tersebut, Tertuduh memohon agar diberikan hukuman penjara yang minima dari tarikh tangkap serta berjalan serentak bagi kesemua pertuduhan yang dipertuduhkan terhadapnya.



## [PENGAKUAN SALAH PERAYU]

Telah menjadi prinsip undang-undang yang mantap bahawa pengakuan salah Tertuduh harus mendapat pertimbangan Mahkamah sebagai salah satu faktor mitigasi terhadap hukuman yang akan diberikan.

*Lord Justice General di dalam kes **Du Plooy v HM Advocate (2003) SCCR 640** para (10), (11) dan (12) menyatakan seperti berikut:*

*[10] In England it is evident that there are two main justifications for making an allowance in respect of a plea of guilty. The first is the benefit of the plea to the administration of justice. Thus, in delivering the judgment of the Court of Appeal in Byrne (1997) 1 CR. App. R. (S0 165, Ognall J at page 166 pointed out that by pleading guilty an accused saved a considerable amount of public time and expense. To this may be added the sparing of witnesses from having to attend the trial to give evidence (Hussain at paragraph 17). This factor is regarded as being of considerable importance in sentencing for sexual offences. In Billam (1986) 8 Cr. App. R (S) 48 Lord Lane LCJ stated, at page 51:*

*“The extra distress which giving evidence can cause to a victim means that a plea of guilty, perhaps more so than in other cases, should normally result in some reduction from what would otherwise be the appropriate sentence”.*

Di dalam kes **SAU SOO KIM v PP (1975) 2 MLJ 134**, Yang Arif Hakim telah menyatakan *“Whether a person is a hardened criminal or not, I feel that a plea of guilty should be treated as a mitigating factor. It not only saves the country a great expense of a lengthy trial but also saves time inconvenience of many, particularly the witnesses”*.

Akan tetapi, ianya bukanlah satu faktor yang mewajibkan Mahkamah untuk memberikan pengurangan hukuman. Ianya perlu diseimbangkan dengan faktor-faktor lain seperti jenis kesalahan, latar belakang Tertuduh, kepentingan awam dan sebagainya.



S/N nu84ubiElkiYJyp7onmsYQ

\*\*Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

Di dalam kes **Bachik Abdul Rahman v PP (2004) 2 CLJ 572**, Augustine Paul, Hakim Mahkamah Rayuan menyatakan seperti berikut:

*However, this is not a strict rule as the court may, in the exercise of its discretion, refuse to grant any discount in an appropriate case [see Zaidon Shariff v Public Prosecutor (1996) 4 CLJ 441; Lee Say & Ors v PP (1985) 2 CLJ 155; (1985) CLJ (Rep) 683]. Its application in favor of an accused depends on the facts and circumstances of each case [see Wong Kai Chuen Philip v PP (1990) 1 LNS 146]. Thus as lucidly explained by Charles JA in Leigh Nocholas Donnely v R (1997) 91 A Crim R 550 at page 554:*

*A court's attitude towards the fact of a plea of guilty is expected to act as an encouragement to enter such a plea. The issue with which the court is to be concerned is what weight should be given to it in the circumstances. The circumstances in which a guilty plea will not have any weight are varied. The severity of the offence committed may outweigh the mitigating effect of a guilty plea [see Loh Hock Seng & Anor v Public Prosecutor (1979) 1 LNS 48; Public Prosecutor v Oo Leng Swee & Ors (1981) 1 LNS 109]. Where public interest demands a deterrent sentence in the circumstances of a particular case, then the effect of a guilty plea must also give way [see Sim Gek Yong v Public Prosecutor (1995) 1 SLR 537; Public Prosecutor v Govindnan a/l Chinden Nair (1998) 2 CLJ 370]. A guilty plea cannot also be a powerful mitigating factor when effectively no defence to the charge is available to the accused [see Public Prosecutor v Low Kak Wai (1988) 2 CLJ 105; (1988) 2 CLJ (rep) 268]. If a plea of guilty is made too late in the trial it may also cease to have mitigating effect [see Public Prosecutor v Dato' Nallakarupapan Solaimalai (1999) 2 CLJ 596]. The absence of mitigating factors in favour of the accused like, for instance, the existence of previous convictions may also deprive the guilty plea of its effect. There can therefore be no automatic rule that a guilty plea on its own entitles an accused to a lesser punishment [see Public Prosecutor v Tia Ah Leng (2000) 5 CLJ 614]. Be that as it may, where there is a departure from the general rule the reasons for not treating*



S/N nu84ubiElkiYJyp7onmsYQ

\*\*Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

*the guilty plea as a mitigating factor must be reflected in the grounds of judgment (see Tan Lay Chen v Public Prosecutor (2000) 4 CLJ 492].*

Justeru, daripada kes di atas, Mahkamah mendapati bahawa pengakuan salah Tertuduh tidak mempunyai pemberat yang perlu dipertimbangkan di dalam ketiga-tiga kes tersebut. Ini adalah kerana:

### **[KESERIUSAN KESALAHAN]**

- 1.1. *The circumstances in which a guilty plea will not have any weight are varied. The severity of the offence committed may outweigh the mitigating effect of a guilty plea [see Loh Hock Seng & Anor v Public Prosecutor (1979) 1 LNS 48; Public Prosecutor v Oo Leng Swee & Ors (1981) 1 LNS 109].*

Seperti yang kita semua sedia maklum, Tertuduh telah melakukan tiga (3) jenis kesalahan yang berbeza sifat kesalahan di dalam satu (1) transaksi, namun melibatkan mangsa atau pengadu yang sama. Jika dilihat kepada fakta kes di eksibit P1 yang dikemukakan oleh pihak Pendakwaan, ketiga-tiga kesalahan jenayah yang dilakukan oleh Tertuduh adalah berdasarkan kepada rasa ketidakpuasan hati Tertuduh terhadap pengadu di dalam kes ini. Tertuduh telah merasa tercabar dengan tindakan pengadu apabila motorsikal yang dipandu olehnya telah dipotong oleh pengadu tanpa menghiraukan arahan yang telah diberikan oleh Tertuduh agar pengadu memberhentikan keretanya. Disebabkan itu, Tertuduh telah mengekor pengadu sehingga ke lampu isyarat Kota Warisan serta Tertuduh telah memberhentikan motorsikalnya di sebelah kereta pengadu lalu menjerit dan memaki pengadu dan terus memanjat ke atas bumbung kereta pengadu dan melompat-lompat di atas bumbung tersebut sehingga kemek. Kesan kemekan tersebut boleh dilihat di gambar kerosakan seperti di eksibit P7 bagi kes no. BK-83-195-02/2023 bagi kesalahan di bawah seksyen 427 Kanun Keseksaan. Perlu



diingatkan pada masa kejadian Tertuduh berseorangan, akan tetapi pengadu bersama-sama dengan isteri serta anaknya di dalam kereta tersebut pada masa yang material.

Jika dilihat dari gambar rakaman video seperti di eksibit P6, boleh dilihat perilaku Tertuduh yang agresif serta barannya terhadap pengadu di tempat kejadian. Tingkah laku Tertuduh persis samseng jalan raya atau pembuli jalan raya yang hendak menunjukkan kemarahan serta ketidakpuasan hatinya. Adalah sangat tidak berhemah serta bertamadun tindakan Tertuduh dengan melakukan ugutan jenayah kepada pengadu dengan cara menghayunkan helmetnya ke arah pengadu sehingga telah mendatangkan ketakutan kepada pengadu. Bukan itu sahaja, Tertuduh juga telah melakukan khianat terhadap kereta pengadu sehingga telah menyebabkan kerugian kepada pengadu serta telah mendatangkan kecederaan di tangan sebelah kiri pengadu di dalam kejadian tersebut. Laporan pemeriksaan awal dari Hospital Putrajaya seperti di eksibit P7 bagi kes BK-85-58-02/2023 telah mengesahkan bahawa pengadu mengalami luka calar di tangan kiri serta resit pembaikan kerosakan pada kereta pengadu di eksibit P8 bagi kes no. BK-83-195-02/2023 adalah dirujuk. Kejadian tersebut telah disaksikan oleh isteri dan anak pengadu yang berada di dalam kereta tersebut. Dari fakta kes di eksibit P1, dapat dilihat bahawa pengadu dan keluarganya mengalami trauma dari kejadian tersebut. Malah ianya telah memberi impak negatif yang mendalam kepada mereka. Justeru, Mahkamah amat memandang berat kes-kes sebegini.

Oleh yang demikian, bagi kes nombor BK-83-194-02/2023 dengan hukuman lima belas (15) bulan penjara dari tarikh tangkap, 20.2.2023 bagi pertuduhan di bawah seksyen 506 Kanun Keseksaan, kes nombor BK-83-195-02/2023, penjara dua puluh (20) bulan dari tarikh tangkap, 20.2.2023 di bawah seksyen 427 Kanun Keseksaan serta bagi kes nombor BK-85-58-02/2023, di bawah seksyen 323 Kanun Keseksaan, hukuman penjara dua belas (12) bulan dari tarikh tangkap, 20.2.2023 yang telah diberikan adalah setimpal dan tidak berlebih-lebihan berdasarkan kepada sifat serta gravity kesalahan yang telah dilakukan oleh Tertuduh di dalam ketiga-tia kes tersebut.



## [KEPENTINGAN AWAM]

- 1.2. *Where public interest demands a deterrent sentence in the circumstances of a particular case, then the effect of a guilty plea must also give way [see Sim Gek Yong v Public Prosecutor (1995) 1 SLR 537; Public Prosecutor v Govindnan a/l Chinden Nair (1998) 2 CLJ 370].*

*Abdoolcader J di dalam kes PP v The Ah Cheng di m/s 187 menyatakan; in sentencing generally the public interest must necessarily be of the prime considerations... public interest should never be relegated to the background and must of necessity assume the foremost importance.*

Kesemua kesalahan yang dilakukan oleh Tertuduh merupakan kesalahan yang tidak boleh dimaafkan kerana Tertuduh bukan sahaja telah menakutkan pengadu malah telah mendatangkan kecederaan kepada pengadu serta menyebabkan kerugian kepada kereta pengadu dengan memanjat serta memijak bumbung kereta pengadu yang mana pada masa tersebut isteri dan anak pengadu berada di dalam kereta tersebut. Seharusnya Tertuduh sebagai pengguna jalan raya haruslah sentiasa bertolak ansur dan bertimbang rasa untuk menjamin keselamatan diri sendiri serta pengguna jalan raya yang lain serta mengelakkan diri dari menjadi pembuli jalan raya sehingga berlakunya sebarang insiden yang tidak diingini. Di dalam kes ini, Tertuduh yang berumur 32 tahun adalah cukup dewasa untuk mengetahui impak dan kesan dari kesalahan yang dilakukannya itu dan wajar menerima hukuman yang setimpal dengan kesalahan serius yang dilakukan. Berdasarkan kepada fakta kes serta gambar dari rakaman video yang telah dikemukakan oleh pihak Pendakwaan, Mahkamah mendapati Tertuduh merupakan seorang yang panas baran serta tidak tahu untuk mengawal kemarahannya kerana sanggup melakukan perkara yang tidak beradab dan bertamadun ini hanya kerana kemarahan serta rasa ketidakpuasan hatinya.



Tambahan lagi, berdasarkan kajian oleh Institut Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) setakat November 2022, daripada 13.3 juta pemandu berdaftar di Malaysia, lebih 2.4 juta daripadanya dikategorikan sebagai pemandu yang ‘sangat baran’ ketika memandu. Perkara ini perlu dibendung sebelum ianya menjadi lebih parah. Sehubungan itu, Mahkamah mempunyai tanggungjawab besar untuk memastikan kesalahan seumpama ini tidak berulang lagi. Ini hanya dapat dilakukan dengan menjatuhkan hukuman yang bersifat deteran sebagai pengajaran kepada Tertuduh dan yang lebih penting kepada masyarakat lain amnya untuk tidak melakukan kesalahan yang sama. Justeru, demi kepentingan awam, Tertuduh adalah wajar dihukum dengan hukuman yang berat.

Mahkamah berpendapat kesemua kesalahan yang dilakukan oleh Tertuduh iaitu kesalahan sepertimana ketiga-tiga pertuduhan dalam kes ini adalah di dalam satu transaksi yang yang sama di mana terdapatnya kedekatan dari segi masa, tarikh dan keterusan tindakan. Mahkamah berpendapat hukuman penjara adalah sesuai terhadap Tertuduh yang telah melanggar undang-undang negara ini. Mahkamah merupakan penjaga kepada kepentingan awam. Sebelum Mahkamah menjatuhkan sesuatu hukuman, kepentingan awam harus diberikan keutamaan. Justeru, setelah menimbang semua faktor peringangan dan faktor pemberatan sebagaimana yang telah dibincangkan di atas, Mahkamah berpendapat bahawa hukuman yang telah diberikan bagi setiap pertuduhan tersebut adalah memadai di mana ianya tidaklah terlalu rendah atau terlalu tinggi dan ianya dikira dari tarikh tangkapan bagi ketiga-tiga kes berkenaan. Demi menjaga kepentingan awam secara keseluruhannya, hukuman yang telah diberikan oleh Mahkamah ini bagi ketiga-tiga pertuduhan adalah setimpal dan tidak berlebih-lebihan serta sebagai pengajaran kepada Tertuduh untuk lebih menghormati dan mematuhi undang-undang di negara ini khasnya juga kepada masyarakat lain di luar sana umumnya.



## [KETIADAAN PEMBELAAN]

- 1.3      *A guilty plea cannot also be a powerful mitigating factor when effectively no defence to the charge is available to the accused [see Public Prosecutor v Low Kak Wai (1988) 2 CLJ 105; (1988) 2 CLJ (rep) 268].*

Tanpa prejudis kepada hak Tertuduh untuk membela diri sekiranya dibicarakan, berdasarkan kepada fakta kes serta laporan pengadu yang dikemukakan, Mahkamah yakin bahawa Tertuduh tidak mempunyai pembelaan yang kukuh sekiranya memohon untuk dibicarakan. Justeru, setelah menimbangkan pengakuan salah Tertuduh dan setelah mengambil kira peluang Tertuduh di dalam pembelaannya sekiranya memohon untuk dibicarakan, Mahkamah ini yakin bahawa hukuman yang diberikan adalah sesuai dengan kesalahan yang telah dilakukan.

## [REKOD LAMPAU]

- 1.4      *The absence of mitigating factors in favor of the accused like, for instance, the existence of previous convictions may also deprive the guilty plea of its effect. There can therefore be no automatic rule that a guilty plea on its own entitles an accused to a lesser punishment [see Public Prosecutor v Tia Ah Leng (2000) 5 CLJ 614].*

Timbalan Pendakwaraya tidak mengemukakan sebarang laporan cap jari atau laporan sistem kompol bagi kesalahan-kesalahan yang pernah dilakukan oleh Tertuduh. Justeru, berdasarkan kepada pengakuan salah Tertuduh dan eksibit-eksibit yang dikemukakan, Mahkamah ini berpendapat bahawa tidak ada sebab untuk Mahkamah menjatuhi hukuman yang kurang dari 12, 15 dan 20 bulan penjara dari tarikh tangkap, 20.2.2023 bagi setiap pertuduhan masing-masing yang dikenakan kepadanya sebagai pengajaran kepada Tertuduh serta Tertuduh perlu muhasabah dirinya kembali apakah



S/N nu84ubiElkiYJyp7onmsYQ

\*\*Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

tanggungjawab dan adab sebagai pengguna jalan raya kepada pengguna jalan raya yang lain di luar sana.

Adalah diingatkan bahawa Mahkamah merupakan penjaga kepada kepentingan awam. Oleh yang demikian, sebelum Mahkamah menjatuhkan sesuatu hukuman, kepentingan awam harus diberikan keutamaan. Mahkamah juga percaya bahawa hukuman terhadap Tertuduh ini adalah sebagai mesej kepada semua pembuli atau samseng jalan raya yang masih bebas di luar sana agar tidak melakukan kesalahan yang sama seperti Tertuduh di dalam kes ini demi menjaga keselamatan semua pengguna jalan raya yang lain. Justeru, setelah menimbang semua faktor peringangan dan faktor pemberatan sebagaimana yang telah dibincangkan di atas, Mahkamah berpendapat bahawa hukuman yang telah diberikan bagi ketiga-tiga pertuduhan tersebut adalah memadai di mana ianya tidaklah terlalu rendah atau terlalu tinggi.

### [KESIMPULAN]

Berdasarkan kepada alasan-alasan yang telah diberikan di atas, Mahkamah ini yakin bahawa hukuman yang telah diberikan kepada Tertuduh adalah setimpal dengan mengambil kira keseluruhan fakta kes, rayuan Tertuduh dan faktor pemberat yang diberikan oleh Timbalan Pendakwaraya yang bijaksana. Tambahan pula, hukuman yang diberikan kepada Tertuduh juga tidak terkeluar dari peruntukan hukuman di bawah seksyen 506, 427 dan 323 Kanun Keseksaan.

Bertarikh: 13.3.2023



.....  
(Ayuni Izzaty Binti Sulaiman)

Majistret

Mahkamah Majistret Sepang



S/N nu84ubiElkiYJyp7onmsYQ

\*\*Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal